

Hari Datuk, Nenek Sedunia: Vatikan beri indulgensi pleno kepada pelawat warga tua

TAKHTA SUCI: Vatikan telah memberikan indulgensi pleno kepada sesiapa sahaja yang melawat orang tua yang sakit, kesepian atau kurang upaya pada perayaan tahunan Datuk, Nenek dan Orang Tua Sedunia kali keempat pada hari Minggu ini, Julai 28.

Mereka yang bergelar datuk dan nenek atau warga emas juga boleh menerima indulgensi pleno, serta sesiapa sahaja yang

mengambil bahagian dalam aktiviti keagamaan yang berkaitan dengan perayaan itu, asalkan syarat-syarat biasa dipenuhi.

Syarat-syarat biasa untuk mendapatkan indulgensi pleno adalah: pelepasan dari segala dosa, dengan melakukan Sakramen Pengakuan, menerima Komuni Kudus serta berdoa untuk intensi Sri Paus.

Indulgensi ialah penghapusan hukuman



sementara di hadapan Tuhan akibat dari dosa-dosa yang kesalahannya sudah diam-puni. Umat Kristian boleh mendapatkan indulgensi ini bagi dirinya sendiri atau bagi orang-orang yang sudah meninggal dengan syarat-syarat tertentu.

Kardinal Angelo De Donatis, ketua Pen-jara Apostolik, menghantar dekri ini pada Julai 18, yang memberikan indulgensi pleno. Pesan Sri Paus sempena Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua kali keempat boleh dibaca di mukasurat 7. — *CNA*

Kanak-kanak sebagai agen damai



VATIKAN: “Berdamai adalah perkara yang paling indah dalam hidup dan kita mesti belajar untuk berdamai di rumah, apabila kita bergaduh, dengan adik-beradik kita. Jangan sekali-kali tidur tanpa berdamai! Jangan sesekali tidur dengan semangat perang” seru Sri Paus Fransiskus semasa melawat Kem Musim Panas Kanak-Kanak yang dianjurkan di Vatikan, Julai 18 lalu.

Sri Paus Fransiskus mengunjungi kanak-kanak berusia lima hingga 13 tahun, yang mengambil bahagian dalam kem musim panas tahunan Vatikan pada pagi Khamis, sambil menjawab soalan mereka dan melepaskan belon terbiodegradasi ke langit.

Kem tahunan yang kali keempat itu di-

Sri Paus Fransiskus melawat peserta Kem Musim Panas Kanak-kanak yang dianjurkan setiap tahun di Vatikan pada Julai 18, 2024. Gambar: Media Vatikan.

hadiri oleh anak-anak pekerja Vatikan berlangsung di sebuah pusat yang baru dibina dengan kemudahan sukan dan kolam renang, yang didedikasikan untuk Sto Yosef.

Sri Paus menjawab beberapa soalan dan komen kanak-kanak serta bercakap tentang kepentingan mempunyai hubungan keluarga yang baik, termasuk dengan datuk dan nenek.

Bapa Suci juga menggesa kanak-kanak agar bekerja untuk keamanan, kerana mempromosikan keamanan “adalah perkara paling indah dalam hidup.”

Salah seorang kanak-kanak, Paolo bertanya kepada Bapa Suci, “Siapa wira Bapa Suci semasa anda kecil?” Fransiskus segera menjawab, “Ibu bapa saya!”

Kemudian Bapa Suci berkongsi beberapa kenangan zaman kanak-kanaknya di Argentina. “Ibu dan ayah mengajar saya dan adik beradik saya akan sesuatu. Mereka hebat!” tegasnya.

Sentiasa luangkan masa dengan datuk dan nenek

Topik datuk dan nenek diajukan oleh peserta kem yang lain, Matilde yang mencetuskan kenangan musim panas Sri Paus bersama datuk nenek, bapa dan ibu yang merupakan saat-saat gembira bagi beliau.

Sangti Papa kemudiannya bertanya kepada Matilde dan rakan-rakannya, “Apa pendapat anda tentang datuk dan nenek?”

“Mereka membawa kegembiraan ... Datuk dan nenek membantu kami membuat keputusan ...” demikian antara jawapan kanak-kanak tersebut.

“Betul,” kata Sri Paus sambil menambah, “anda mesti rapat dengan datuk dan nenek anda, okay?”

Tahun Jubli

Soalan terakhir, diajukan oleh Michele menyentuh mengenai Tahun Jubli yang akan datang, “Bagaimanakah kita orang muda boleh

bersedia untuk Jubli?”

Sri Paus menjawab, “Jubli berasal dari perkataan kegembiraan dan kegembiraan adalah sukacita.

“Oleh itu, kita harus sentiasa bersedia dengan kegembiraan. Kegembiraan ini adalah berbeza daripada “keseronokan,” yang tidak selalunya merupakan perkara yang “baik”.

Sebelum pertemuan dengan Bapa Suci berakhir, seorang kanak-kanak perempuan bernama Alice membaca surat bagi pihak seluruh peserta kem musim panas, yang sepatutnya mengatakan ia merupakan “pengalaman yang luar biasa.”

Pertemuan itu diakhiri dengan doa seketika, diikuti dengan pelepasan belon getah semula jadi terbiodegradasi pelbagai warna, termasuk yang berwarna putih untuk Bapa Suci, yang mempunyai cetakan “Kepadamu, anak perempuan dan lelaki yang dikasihi: kamu berharga di mata Tuhan.” — *media Vatikan*

Sabat, untuk kesihatan dan ketenangan minda

Ahli mistik sufi, Rumi, pernah Amerungut: Saya telah hidup terlalu lama di mana saya senang dihubungi!

Ayat ini dicatat 120 tahun lalu, sebelum wujudnya telefon bimbit, Internet, komputer dan media sosial.

Hari ini, kebanyakan kita tinggal di mana kita boleh dihubungi sepanjang masa. Walaupun ini mempunyai beberapa kelebihan namun ia juga mempunyai sisi buruk yang lambat kita sedari.

Apabila kita tidak dapat menghindari kesibukan dan terlibat dalam banyak perkara, ia boleh membebaskan kesihatan mental kita.

Ramai di antara kita kini sukar untuk menghentikan aktiviti, untuk berehat, untuk menyegarkan tubuh dan minda, untuk kembali bertenaga.

Dalam bahasa alkitabiah, kita mendapati semakin sukar untuk mempunyai "Sabat" dalam kehidupan kita.

Kita mempunyai perintah daripada Tuhan: Ingatlah untuk menguduskan hari Sabat. Mungkin, kita semua boleh bersetuju bahawa perintah ini semakin sukar dilaksanakan hari ini.

Bukan sahaja semakin sedikit orang yang pergi ke Gereja pada hari Ahad, atau semakin banyak kedai dan perniagaan dibuka pada hari Ahad, atau acara sukan kini mengambil banyak ruang Sabat yang pernah dikhaskan untuk agama.

Malah, semakin ramai daripada kita tidak lagi dapat memperlakukan kehidupan

kita, menutup mesin komunikasi, menjauhkan diri daripada tekanan dan keasyikan dalam hidup kita dan kita sukar untuk berhenti sejenak dan berehat.

Kita hidup di mana kita sentiasa boleh dihubungi dan sebahagian besarnya telah kehilangan kepentingan Sabat dalam hidup kita.

Pada hari ini, kita menganggap perintah untuk menguduskan hari Sabat sebagai cadangan gaya hidup yang ideal: Ia bermanfaat, jika kita boleh mencari masa untuk melakukannya.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan Sepuluh Nasihat untuk mempraktikkan hari Sabat:

1. *Amalkan Sabat dengan disiplin seperti yang dituntut dari perintah, walaupun anda mengamalkan disiplin kehidupan dan kewajipan.*

2. *Sekurang-kurangnya berikan satu saat "Sabat" setiap hari. Berikan diri anda sesuatu untuk dinanti-nantikan setiap hari. Sabat tidak semestinya sehari; ia boleh menjadi special hour, di mana anda dapat bersenam di treadmill dan memanjakan diri tanpa gangguan.*

3. *Pergilah ke sebuah tempat setiap minggu di mana anda tidak dapat dihubungi dan "berpuasa" dari semua aktiviti siber (cyber-Sabbath).*

Sekali seminggu matikan semua komunikasi elektronik anda selama enam jam atau, lebih baik lagi, selama dua belas jam. Pergi ke tempat di mana, kecuali hal kecemasan, anda tidak dapat dihubungi. Anda mungkin mendapati ini disiplin yang paling

sukar tetapi ia sangat penting.

4. *Hormati "kebijaksanaan dorman".* Lakukan sesuatu yang bukan pragmatik secara kerap. Petani tahu bahawa anda tidak boleh menyemai ladang secara berterusan dan tahu bila musim menanam yang sewajarnya demi hasil tanaman yang baik.

Ladang memerlukan musim tetap di mana mereka "direhatkan" (dorman) agar dapat menyerap nutrien dan unsur-unsur lain yang mereka perlukan bagi menghasilkan tanaman.

Tubuh dan jiwa manusia adalah sama. Kita memerlukan, secara kerap, tempoh dorman di mana tenaga direhatkan dari kesibukan.

5. *Berdoa dan bermeditasi dengan kerap dalam beberapa cara.* Ada satu peraturan dan nasihat untuk ini: Lakukan! Buatlah dengan kerap walau apa pun yang berlaku. Ini adalah agar kita mempunyai beberapa Sabat dalam hidup kita.

6. *Beri perhatian kepada kanak-kanak kecil, orang tua dan cuaca.* Sabat bertujuan untuk memulihkan keajaiban dalam kehidupan kita namun kerana kesibukan, kita tidak lagi dapat mengenal keajaiban-keajaiban yang berlaku di sekeliling kita.

Seperti kata John Shea, kita boleh meminjam keajaiban daripada kanak-kanak.

Selain itu, masa yang diluahkan bersama orang tua boleh membantu memberi kita perspektif yang lebih sihat tentang kehidupan. Dan, bilakah kali terakhir kita melihat cuaca sebagai sumber keajaiban?



Sabat, masa untuk merehatkan tubuh dan minda kita juga merapatkan lagi perhubungan keluarga serta sesama.

7. *Hidupi pepatah, "Kalau bukan sekarang, bila lagi? Jika tidak di sini, di mana? Kalau bukan dengan mereka ini, dengan siapa? Kalau bukan kerana Tuhan, untuk siapa?"*

Kita menghabiskan sembilan puluh lapan peratus daripada hidup kita menunggu sesuatu yang lain berlaku kepada kita. Ambil beberapa saat di mana anda menyedari apa yang anda tunggu, sudah tiba.

8. *Biarkan tubuh anda tahu bahawa ia adalah Sabat.* Sabat dimaksudkan bukan sahaja untuk jiwa tetapi juga untuk tubuh. Beri badan anda "hidangan Sabat" sekurang-kurangnya sekali seminggu.

9. *Utamakan perhubungan dan keluarga.* Pada penghujung hari, hidup adalah tentang keluarga, persahabatan dan perhubungan, kebenaran kerana semua ini mudah hilang akibat tekanan kehidupan

dan gaya hidup kita yang serba pantas. Sabat mendorong dan mengingatkan kita semula akan kebenaran itu, sekurang-kurangnya sekali seminggu.

10. *Jangan menyimpan dendam dan obsesi.* Keletihan kita yang paling dalam bukanlah akibat kerja yang berlebihan, tetapi dari kelukaan, dendam dan obsesi yang kita pendam.

Jemputan untuk berehat selama sehari termasuk, jemputan untuk melepaskan kesakitan kita. Sesungguhnya, konsep peraturan Yahudi-Kristian tentang Sabat hanyalah sehari.

Oleh sebab itu, setiap dendam yang ada pada kita, mempunyai batasan waktu dan tidak seharusnya berpanjangan!

Tuhan memberi kita hari Sabat, untuk kesihatan dan untuk kita nikmati. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Sejauh mana Ekaristi telah mentransformasi hidup kita?

Dalam Injil, roti merupakan suatu gambaran tentang peribadi dan karya Yesus, yang maknanya terungkap di dalam Yoh 6:1-15.

Injil mengajak kita melihat Yesus memperbanyak 5 roti jelai dan 2 ekor ikan. Cerita tentang penggandaan roti dan ikan terdapat dalam keempat-empat Injil: menurut karangan Markus, Matius, Lukas dan Yohanes.

Ternyata Ekaristi merupakan pegangan dan sumber kesatuan umat pengikut Kristus di Gereja Perdana.

Di dalam ceritera Injil-Injil itu, terparalah suatu gambaran tentang kehidupan dalam "Kerajaan Tuhan" sejati sebagai suatu perjamuan yang dipimpin oleh Almasih sendiri.

Penulis Injil masing-masing menyampaikan salah satu ciri khusus Ekaristi, manakala Yohanes dalam Injilnya (Yoh 6:1-15) menempatkan penggandaan roti sebagai intisari ajaran Yesus tentang makna Roti Hidup.

Inisiatif adanya mukjizat penggandaan roti datang daripada Yesus. Filipus termasuk murid-murid lain tidak mengerti, bahawa pertanyaan Yesus adalah suatu seruan kepada iman mereka.

Filipus menyahut dengan menyatakan masalah harga pembelian roti sebanyak itu.

Ribuan umat yang sudah dibantu, diberi makan roti dan ikan sampai kenyang pun, juga seperti murid-murid Yesus, ternyata masih berfikir, bersikap dan berbuat secara dangkal, terlalu duniawi, materialistik sekali.

Yesus memang dianggap sebagai nabi yang harus datang, tetapi menurut orang-orang di situ, Dia seharusnya datang sebagai raja yang agung.

Tetapi yang sebaliknya berlaku, Yohanes menampilkan seorang kanak-kanak kecil. Melalui kanak-kanak yang polos dan murah hati itulah Yesus dikenali siapa Dia yang sebenarnya.

Penggandaan roti merupakan gambaran yang tepat tentang makna Ekaristi sejati. Yesus menggunakan pemberian sederhana berupa sedikit roti dan ikan untuk memberi makan kepada ribuan orang.

Ternyata ada 12 bakul sisanya. Yesus meminta murid-murid-Nya supaya persediaan makan yang begitu terbatas itu, diberikan kepada semua orang dengan penuh kepercayaan dan kemurahan hati, Apa maksud Yesus sebenarnya?

Memang roti yang diperlukan, tidak akan pernah cukup, sebelum kita semua juga mahu

dan rela memberikannya kepada orang lain! Sebab bagi setiap orang yang percaya, Yesus bukanlah sekadar seorang peribadi, yang dapat mengadakan mukjizat. Dia adalah roti dari syurga!

Maka dengan menerima Dia, kita tidak akan merasa lapar dan haus lagi. Seperti roti yang dapat memperkuat dan memelihara hidup kita, Yesus akan memelihara kehidupan sejati kita sebagai orang yang sungguh beriman.

Mengenal dan menerima Yesus sebagai roti pemberi hidup merupakan ungkapan iman dan jawaban kasih kita kepada kasih Tuhan yang terwujud dalam kematian-Nya disalib dan kemuliaan-Nya di syurga.

St Yohanes Kristostomus menulis: "Inginkah kamu menghormati tubuh Kristus? Maka jangan menolak Dia ketika Ia telanjang. Janganlah kamu memuliakan Dia di kenisah yang berhiaskan sutera dan mengabaikan Dia ketika Dia menderita kedinginan dan tak berpakaian.

Dia yang berkata: 'Inilah tubuh-Ku' adalah satu dan sama dengan Dia yang berkata: 'Kamu melihat Aku lapar; tetapi kamu tidak memberi Aku makan', dan 'Apa yang kamu lakukan untuk salah seorang dari yang paling hina ini, kamu tidak

HARI MINGGU BIASA KE-17 TAHUN B

2 RAJA 4: 42-44

EFESUS 4: 1-6

INJIL YOHANES 6: 1-15

melakukannya juga untuk Aku. Apa ertinya apabila meja Ekaristi penuh dengan piala-piala diperbuat dari emas, sedangkan umat tidak merayakannya dan mati kelaparan rohani? Mulailah dengan menghilangkan kelaparan rohani kita dahulu, kemudian sesudah itu, hiasilah altarnya dengan apa yang masih ada".

Kata-kata itu harus didengarkan oleh setiap komuniti Kristiani sejati, agar Ekaristi dapat mengeratkan lagi persaudaraan dan solidariti kaum beriman.

Patut kita renungkan: Apakah makna Ekaristi Yesus bagi kita? Apakah perayaan dan penerimaan Ekaristi kita setiap hari atau setiap minggu dapat mentransformasi diri kita dan sesama? Apakah kita saling menjadi sahabat, yang hidup penuh perhatian, pengertian, keadilan dan kasih satu sama lain? Hari ini, mukjizat penggandaan roti Yesus adalah di antara yang masih kita tetap perlukan! — *Msgr FX Hadisumarta O. Carm, imankatolik.com*

Pertukaran dan pelantikan paderi bagi Keuskupan Agung KK

KOTA KINABALU: Selepas berbincang dengan para penasihat Uskup, Uskup Agung John Wong mengumumkan beberapa pelantikan dan pertukaran para paderi di Keuskupan Agung Kota Kinabalu seperti berikut:

1. **Fr Russell Lawrine** dari Katedral Sacred Heart, Kota Kinabalu telah dihantar ke Roma, Itali sejak Jun 25, 2024 bagi mengambil kursus selama tiga tahun dalam Ijazah Kateketik.



2. **Fr Gilbert Marcus** dari St Michael, Penampang akan ke Manila, Filipina pada bulan Ogos ini untuk mengambil Ijazah dalam Teologi Dogmatik.



3. **Fr Jeffri Gumu** dari Stella Maris, Tanjung Aru dan St Thomas More, Kepyau akan berpindah ke Pusat



Katolik Keuskupan Agung Kota Kinabalu untuk mengendalikan Pejabat Tribunal Perkahwinan Eklesiastikal sepenuh masa.

4. **Fr Rhobby Mojolou** dari St Simon Likas dilantik sebagai paderi paroki Stella Maris Tg Aru dan St Thomas More, berkuat kuasa dengan serta merta.



5. **Fr Jerry Joseph Muhamat** dilantik sebagai Penolong Paderi Paroki St Michael, Penampang dan St Augustine, Kinarut berkuat kuasa Julai 1, 2024.



6. **Fr Peter Chung** dilantik sebagai Penasihat Rohani bagi Komisi Alam Ciptaan dan Keadilan, berkuatkuasa dengan serta merta.



7. **Fr Joshua Liew** dilantik sebagai Penasihat Rohani Persatuan Misi Kepausan Keuskupan Agung Kota Kinabalu, berkuat kuasa dengan serta merta.



8. **Fr Lasius Gantis** dilantik sebagai Penasihat Rohani bagi *Legion of Mary* (BM dan English) Keuskupan Agung Kota Kinabalu, berkuat kuasa serta merta.



Semua pelantikan dan pertukaran para paderi ini telah disiarkan dalam Notis Chanseri oleh Chanseri Keuskupan Agung Kota Kinabalu, bertarikh Julai 15, 2024.

Fr Wilfred Atin

Chancellor,

Keuskupan Agung Kota Kinabalu

Diakon Nalerin Erone SJ bakal ditahbis

Julai 31, 2024

KOTA KINABALU: Atas permohonan dan cadangan Fr Francis Lim, SJ, Penguasa Serantau Yesuit Malaysia-Singapura, Uskup Agung John Wong Soo Kau, Kota Kinabalu telah bersetuju untuk mentahbiskan



Diakon Nalerin Erone Bin Nahfirin, SJ ke Jabatan Imamat pada Julai 31, 2024 jam 7.00 malam di Katedral Sacred Heart, Kota Kinabalu.

Diakon Nalerin Erone, SJ berasal dari Kota Kinabalu. Beliau menyertai Persatuan Yesus atau Yesuit pada Jun 22, 2012 dan ditahbis sebagai Diakon pada Februari 4, 2023 di Madrid.

Anak kepada pasangan mendiang Nahfirin B.J. Nahsipin dan Resintia Bte Elias Bakar, dilahirkan pada Ogos 27, 1987.

Dibaptis pada April 21, 1988 di Katedral Sacred Heart, Kota Kinabalu.

Nalerin dilantik sebagai *Lector* dan *Acolite* pada September 14, 2020 di Gereja *Immaculate and San Pedro Claver*, Madrid dan ditahbis sebagai diakon pada tahun 2023 di Gereja *San Francis of Borja*, Madrid oleh Kardinal Carlos Osoro Sierra, Uskup Agung Madrid.

Diakon Nalerin ditahbis sebagai diakon bersama 12 orang calon paderi Yesuit yang lain.

Bermula sebagai novis di Semarang Indonesia (2012) sehinggalah kini, masih dalam pengajian Ijazah dalam *Sacred Theology* (*Spirituality*) di Universiti Comillas, Madrid, Sepanyol, kini Diakon Nalerin menunggu dalam beberapa hari sahaja lagi untuk ditahbis sebagai paderi.

Semua umat Katolik khususnya di Keuskupan Agung Kota Kinabalu diseru untuk mendoakan pentahbisan calon paderi Nalerin Erone SJ dalam beberapa hari sahaja lagi.

Kecerdasan Rohani dalam Era Kecerdasan Buatan

KUCHING, Sarawak: Rasa ingin tahu tentang teknologi menarik minat peserta seminar "Kecerdasan Rohani dalam Era AI" yang dianjurkan baru-baru ini oleh Keuskupan Agung Kuching dan Komuniti *Christ The King* OCDS di Pusat Pastoral Katedral dan Kuria Keuskupan Agung.

Penceramah jemputan, Fr Prasad Joseph Theruvathu, OCD, Vicar Provincial dan Superior di St Pius X *Carmelite Provincial House* di Kerala, India, memikat perhatian para peserta dengan ceramahnya mengenai Kecerdasan Rohani menurut ajaran Sta Therese dari Lisieux.

Sta Therese, Santa dan Doktor Gereja Karmelit, terkenal dengan pendekatannya yang ringkas namun mendalam terhadap



kerohanian, sering dirujuk sebagai "Jalan Kecil."

Fr Prasad menekankan kepentingan membaca autobiografi Sta Therese, "*Story of a Soul*," untuk mendapatkan pandangan yang lebih mendalam tentang "*Little Way*" dan kaitannya dalam mencapai kekudusan.

Katanya, Kecerdasan Spiritual berasaskan kerendahan hati, kasih sayang dan kepercayaan kepada Tuhan, menawarkan jalan transformatif yang melengkapi dan melangkaui alam kecerdasan Intelektual (IQ) dan Kecerdasan Emosional (EQ). — *sumber Today's Catholic*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Jika Kristus mengalahkan maut, mengapa kita mati?

Kristus benar-benar wafat di kayu salib. Peristiwa ini tidak dipalsukan dan bukan juga tipu helah. Kematian-Nya adalah hal yang nyata, di mana Dia mengalami rasa sakit, ditinggalkan seorang diri dan beralih ke alam kematian dari alam kehidupan.

Namun ketika Dia menundukkan kepala-Nya yang bermahkotakan duri dan mengucapkan perkataan yang menggoncangkan bumi, "Sudah selesai" (Yohanes 19:30), bukan hidup-Nya yang selesai sebaliknya kekuasaan maut.

Kristus dibaringkan di dalam kubur hanya untuk keluar dan memberikan kejutan, mendorong batu yang memisahkan orang mati daripada yang hidup, batu yang melambangkan hukuman mati bagi semua umat manusia.

Kebangkitan-Nya bukan hanya batu kubur yang disingkirkan, namun gerbang syurga juga dibuka.

Sekarang kita, dengan setiap orang yang telah mati sebelum Kristus, dengan setiap orang yang telah mati sejak Kristus, dan dengan setiap orang yang akan mati, boleh berteriak dalam menghadapi kematian: "Hai maut, di manakah kemenanganmu? Wahai maut, di manakah sengatmu?" (1 Kor 15:55).

Jika Kristus telah mengalahkan kematian dan berkongsi Kebangkitan-Nya dengan kita, mengapa kita masih mengalami kematian dengan kesakitan, keserongan, kekeliruan dan perpisahan yang menyertai kematian itu?

Apakah dosa Adam dan kuasa si penggoda begitu kuat dalam kejahatannya sehingga Tuhan sendiri tidak mampu mengatasinya?

Tidak! Kristus telah mengalahkan maut. "Makna kematian Kristian didedahkan dalam terang misteri Paskah tentang kematian dan kebangkitan Kristus yang di dalamnya bersemayam satu-satunya harapan kita.

Orang Kristian yang mati dalam Kristus Yesus adalah 'jauh dari tubuh dan tinggal bersama Tuhan'" (KGK 1681). Namun ia memerlukan mata iman untuk melihat kemenangan dengan jelas. Kitab Suci memberitahu kita bahawa dalam kehidupan ini penglihatan iman kita adalah kabur, "Pada masa ini kita melihat secara tidak jelas, seperti dalam cermin, tetapi kemudian secara bersemuka. Pada masa ini saya tahu sebahagiannya; maka aku akan mengetahui sepenuhnya" (1 Kor 13:12).

Realiti kekalahan maut dan janji akan

kebangkitan diberikan pada kita sekarang secara sakramental.

"Sakramen-sakramen ditetapkan Kristus dan dipercayakan kepada Gereja sebagai tanda berdaya guna yang menghasilkan rahmat dan memberikan kehidupan ilahi kepada kita ... Bagi umat beriman yang menerimanya dengan sikap batin yang wajar, mereka menghasilkan buah" (KGK 1131).


Tuhan memberi kita apa yang kita perlukan untuk menyahut-Nya dan untuk bertahan dari semua hal, sehingga kita dapat memasuki hubungan syurgawi dengan Tuhan Tritunggal ketika kehidupan fizikal kita berakhir.

Melalui pembaptisan kita menjadi anak-anak Tuhan. Oleh sebab itu, kita menyebut Yesus sebagai Saudara kita. Yesus sebagai Anak Sulung (Wahyu 1:5) yang sudah pergi ke syurga untuk mempersiapkan tempat bagi anggota keluarga lainnya (Yohanes 14:2). Pintunya terbuka dari dalam.

Kita yang masih hidup, *masih berdiri di luar*, namun kita diberi karunia dengan segala bantuan yang kita perlukan untuk melakukan perjalanan singkat melalui kehidupan ini dan masuk ke dalam kebahagiaan kekal. — *terangiman.com*

Sahabat kecil Yesus

Sambungkan titik-titik pada gambar di bawah dan jangan lupa mewarnakannya.



Dalam Kitab Suci, Yesus menyebut diri-Nya dalam beberapa gelar.
Isikan tempat kosong di bawah untuk mengetahui gelaran-gelaran Yesus.



Akulah _____ dan _____, Yang Pertama dan Yang Terakhir, Yang Di _____ dan Yang Di _____ (Wahyu 22:13)


Akulah _____ hidup sesiapa _____ kepada-Ku, dia tidak akan lapar lagi (Yoh 6:35)

Akulah _____ dunia sesiapa mengikut Aku, dia tidak akan _____ dalam _____ melainkan dia akan mempunyai terang hidup (Yoh 8: 12)

terang
roti
datang

berjalan
Alfa
Omega

awal
kegelapan
akhir



Siapa nama ibu dan bapa Santa Perawan Maria?

Santo Y _ _ K H _ M dan Santa A _ _ A



Perhatikan gambar A. Cari gambar Sta Anna dan Yoakhim pada gambar B.



Baca Injil Yohanes 6:1-15. Gariskan perkataan yang diucapkan oleh Yesus.

1. Mari membeli roti di pasar.

2. Di manakah kita akan membeli roti, supaya mereka ini dapat makan?

3. Suruhlah orang-orang itu duduk

4. Suruhlah orang-orang itu balik ke rumah masing-masing



Hello adik-adik,

Apa khabar? Semasa antie masih di bangku sekolah, perkara yang antie paling suka lakukan ialah berkumpul dengan rakan-rakan dan makan bersama.

Makanan kami tidak semewah mana. Ada yang membawa nasi goreng, telur goreng, sayur atau sekadar membawa air mineral.

Tetapi ia adalah masa yang sangat menggembirakan bagi antie. Makanan menjadi sedap dan persahabatan kami bertambah erat.

Pada pembacaan Injil hari Minggu ini, kita juga mendengar Yesus memberi makan kepada kira-kira lima ribu orang.

Nampaknya, Yesus juga amat menghargai masa makan bersama.

Ternyata Yesus telah melakukan mukjizat sehingga semua orang dapat makan.

Ini adalah kerana Yesus sangat berbelas kasihan dan tidak mahu membiarkan orang-orang itu kelaparan.

Makanan adalah keperluan asas manusia dan Yesus mahu melengkapkan keper-

luan jasmani kita.

Dan pada hari ini, Yesus memenuhi kelaparan rohani kita iaitu memberi kita Sakramen Ekaristi.

Adik-adik, kerana kasih Yesus yang amat agung, Dia sentiasa mencukupkan keperluan rohani dan jasmani kita.

Oleh sebab itu, marilah kita juga menunjukkan kasih Yesus kepada orang-orang yang ada di sekitar kita!

Semoga kita bertemu di ruangan akan datang!

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA MILENIUM

SILIBIN, Perak: Persatuan Pelajar Katolik (CSS) Universiti Teknologi Petronas (UTP) telah menganjurkan Misa Kaamatan, Gawai dan Panen (KAGAPE) di Gereja *Our Lady of Lourdes* di Silibin, Ipoh.

Misa yang diadakan sempena perayaan menuai tahun ini dianimasikan oleh para mahasiswa UTP.

Pesta Menuai merupakan perayaan yang tidak asing dalam masyarakat Borneo. Oleh itu, Misa KAGAPE adalah perayaan yang disambut setiap tahun untuk melambangkan semangat menuai masyarakat Borneo di Perak, terutama dalam kalangan pelajar UTP.

Perayaan ini bertujuan untuk meraikan perpaduan antara Malaysia Timur, Indonesia dan komuniti di Silibin, Perak dan bersama-sama mengungkapkan kesyukuran atas hasil bumi yang dikurniakan oleh Tuhan.

Melalui perayaan ini, Gereja dapat mempromosikan budaya orang Borneo kepada warga tempatan di Semenanjung Malaysia; khususnya di Perak.

Mahasiswa Katolik anjur KAGAPE di Silibin, Ipoh



Koir semasa Misa Kudus dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar UTP. Dengan memakai pakaian tradisional masing-masing, mereka menyanyikan lagu-lagu yang memuji Tuhan dalam pelbagai bahasa etnik dari Malaysia Timur.

Mereka menjalani latihan koir selama tiga bulan sebagai persediaan bagi acara ini.

Kebanyakan susunan muzik merupakan lagu-lagu liturgi yang biasa digunakan di pelbagai keuskupan di Sabah dan Sarawak.

Mereka mempersembahkan dua tarian kebudayaan: tarian *Alu-alu*, tarian tradisional Melanau, untuk pembukaan dan tarian *Sumazau*, tarian tradisional Kadazan Dusun, untuk penutup.

Para pelajar juga membawa pelbagai hasil bumi semasa upacara persembahan.

Mereka mempersembahkan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran. Beras melambangkan padi yang adalah hasil tuaian yang diraikan semasa perayaan menuai dan dipersembahkan kepada Tuhan sebagai tanda kesyukuran.

Buah-buahan dan sayur-sayuran juga melambangkan hasil bumi yang dituai oleh petani, dipersembahkan kepada Tuhan sebagai ungkapan terima kasih di atas pemberian-Nya yang melimpah.

Walaupun para pelajar Universiti Teknologi PETRONAS mengalami sedikit cabaran dalam menganjurkan Misa itu, tidak dinafikan Misa KAGAPE telah membawa komuniti tempatan, Malaysia Timur dan Indonesia, memupuk perpaduan antara satu sama lain.

Persiapan rohani SYD-6 kali kedua

BERSAMA YESUS TIADA SIAPA YANG DAPAT MENGHALANG KITA

KENINGAU: Dalam Misa perutusan kepada 269 orang penganjur SYD-6 dari tiga Keuskupan/Agung di Sabah, Fr Dafrinn Diwol dalam homilinya menyeru agar setiap mereka tetap teguh dalam iman, tidak gentar dan tidak mudah bimbang kerana “Yesus menyertai kamu.”

Pada Julai 5 hingga 7 lalu, para penganjur bersama ketua-ketua kontinjen dari seluruh Sabah, berhimpun di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal bagi persiapan rohani *Sabah*

Youth Day kali keenam (SYD6) kali kedua.

Turut hadir dalam persiapan ini ialah Uskup Cornelius Piong, para paderi penasihat rohani belia keuskupan iaitu Fr Wiandigool Runsab (Kota Kinabalu) dan Fr Dafrinn Diwol (Sandakan).

Para koordinator dan timbalan dari setiap Keuskupan juga menyertai retret persiapan ini.

Dalam Misa Kudus pembukaan yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong, prelatus itu menyeru para penganjur SYD6 agar sentiasa berandal kepada Yesus sebagai sumber dalam menghasilkan buah yang baik dan sentiasalah ingat dengan pesanan Yesus dalam Yohanes

15:4-5, “Tetaplah bersatu dengan Aku, Aku pun akan bersatu dengan kamu, kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa.”

Hari kedua, dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Wiandigool Runsab. Paderi itu mengingatkan bahawa Yesus sentiasa akan bersama dengan kita sampai selama-lamanya, bukan sahaja pada waktu persiapan rohani mahupun pada masa SYD6 nanti.

Kemudian, sesi di sebelah pagi diteruskan dengan pembentangan tentang SYD6 oleh Tim Penganjur Utama SYD6.

Pada sebelah petang, dalam sesi yang dikendalikan oleh Sdra Dennis Patrick,

beliau menjelaskan bahawa setiap kita pasti akan melalui cabaran yang mungkin membebaskan. “Oleh sebab itu, penting bagi kita untuk selalu kembali untuk berdoa kepada Hati Kudus Yesus kerana “Doa orang benar, bila dengan yakin didoakan, besar kuasanya.” (Yakobus 5:16).”

Pada hari ketiga, sebelum Misa Kudus perutusan, Sdra Dennis Patrick mengajar satu ayat *Champion Chant* iaitu “Bersama Yesus tiada yang dapat menghalang kita.”

Sabah Youth Day ke-6 akan berlangsung di Katedral St Francis Xavier, Keningau pada September 16-20, 2024 dengan tema, “Maria Bangkit dan Bergegas Pergi” (Lukas 1:39).



Belia Thailand hidupi sinodaliti

BANGKOK: Majlis Pendidikan Katolik Thailand (CECT) dan LiCAS menghimpunkan pelajar dari 12 sekolah di seluruh Thailand dalam program tiga hari *Hackathon* Belia di Sekolah *Mater Dei*, Bangkok.

Acara yang diberi nama *Mission Possible* telah diadakan dari Julai 12 hingga 14 dan bertujuan untuk melatih minda kaum muda dalam menangani cabaran masyarakat yang mendesak melalui lensa Sinode tentang Sinodaliti.

Peter Monthienvichienchai, Pengarah Eksekutif LiCAS, berkata matlamat acara itu adalah untuk meningkatkan “kesedaran dan penglibatan Sinode di kalangan belia.”

“Paling penting, ini ialah peluang bagi kita semua mengamalkan sinodaliti, terutamanya orang dewasa untuk menunjukkan bahawa kita benar-benar mendengar kata-kata belia masa kini,” katanya.

Para peserta, berumur 13 tahun dan ke

atas, diajak untuk menangani satu daripada sembilan isu utama yang dikenal pasti semasa peringkat kontinental Sinode Asia.

Sr Nina Krapic dari Dikasteri Vatikan untuk Komunikasi berkata beliau sangat teruja melihat golongan muda bukan sahaja berbilang tetapi juga melaksanakan sinodaliti.

“Saya berharap daripada program ini anda memahami kepentingan mendengar dengan telinga hati. Dan mendengar itu mungkin bukan sekadar sebahagian daripada proses, tetapi juga sebahagian daripada penyelesaian juga. Anda semua mempunyai misi istimewa, pelayanan di dunia ini dan mungkin misi anda,” kata Sr Nina Krapic

Dr Santi Lapbenjakul, salah seorang mentor dalam program itu, gembira dengan potensi peserta.

“Saya sangat kagum dengan soalan-soalan daripada mereka ... Saya memberitahu mereka, datang berjumpa saya dalam tempoh



Para pelajar dari 12 sekolah di Thailand menghadiri program “Youth Social Hackathon” di Bangkok pada Julai 12-14, 2024. (Gambar oleh MISSION POSSIBLE / LiCAS)

lima hingga enam tahun akan datang apabila anda menjadi menteri, kita akan bercakap lagi tentang hal ini.”

Hackathon bermula dengan beberapa siri bengkel di mana mentor dari pelbagai sektor, termasuk jurulatih kepimpinan dan ketua masyarakat Orang Asli, berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka.

Penganjur berkata *hackathon* itu bukan

sahaja menyediakan platform kepada pelajar untuk menunjukkan potensi mereka untuk menyumbang secara bermakna kepada isu-isu kemasyarakatan tetapi juga menerapkan sinodaliti secara praktikal.

Kini terdapat rancangan untuk mengadakan siri *hackathon* sosial *Mission Possible* di seluruh Thailand dan juga di seluruh Asia. — *LiCAS.news*

Uskup India kecam penahanan umat dan paderi yang menyalahi undang-undang

LUCKNOW, Uttar Pradesh, India: Uskup Gerald Mathias (gambar) dari Lucknow telah menyatakan kecaman keras berikutan penahanan empat penganut Kristian di Uttar Pradesh, salah sebuah negeri di India yang mempunyai populasi besar.

Prelatus itu menyifatkan penahanan itu sebagai penyalahgunaan undang-undang anti-penukaran dan pelanggaran kebebasan beragama.

Dalam kejadian baru-baru ini yang telah mencetuskan kebimbangan meluas setelah empat individu, termasuk seorang paderi, telah ditangkap di daerah Moradabad atas dakwaan terlibat dalam menukar agama secara paksa.

Pertuduhan itu berpunca daripada aduan yang difailkan oleh pertubuhan Hindu tempatan, mendakwa tertuduh menawarkan insentif kewangan dan barangan untuk penukaran agama.

Bercakap kepada *AsiaNews*, Uskup Mathias menekankan cabaran yang semakin meningkat yang dihadapi oleh



masyarakat Kristian di India, khususnya di negeri-negeri yang mempunyai peraturan anti-penukaran yang ketat.

“Komuniti Kristian tidak boleh dengan bebas mengaku, mengamalkan dan menyebarkan kepercayaannya,” katanya, merujuk hak perlembagaan dicabuli melalui kejadian penahanan sedemikian.

Uskup mengkritik rangka kerja undang-undang, khususnya Akta Larangan Uttar Pradesh Penukaran Agama Secara Haram, 2021, yang digunakan dalam penahanan itu.

Prelatus itu menegaskan bahawa undang-undang ini sering “digunakan secara kasar” untuk menyasarkan minoriti agama serta menyebabkan paderi kerap ditahan atas tuduhan yang tidak berasas.

Uskup Mathias menggesa penilaian semula segera terhadap penguatkuasaan undang-undang anti-penukaran, memperjuangkan keadilan dan perlindungan kebebasan beragama untuk semua rakyat, tanpa mengira kepercayaan. — *LiCASnews.com*

Ulang tahun ke-1500 ikon Santa Maria dari Portico

ROMA: Julai 17, 2024, merupakan Ulang Tahun ke-1500 penghormatan ikon Santa Maria di Portico yang juga dikenali sebagai *Romanae Portus Securitatis* atau ‘pelindung Kota Abadi’.

Sri Paus mengutus surat kepada Fr Antonio Piccolo, Rektor Jeneral OMD yang berbunyi “Pada hari gembira ini, ini adalah peluang yang mengembirakan untuk menyertai doa bersama *Ordo of the Clerics Regular of the Mother of God (OMD)*, yang telah diamanahkan untuk menjaga ikon ini sejak 1601.”

Santa Maria dari Portico terletak di Gereja Sta Maria, di Piazza di Campitelli, Rione

Sant’Angelo, Roma, Itali.

OMD didirikan pada September 1, 1574 (449 tahun lalu) oleh Sto Yohanes Leonardi OMD.

Devosi kepada Santa Maria dari Portico bermula setelah penampakan Sta Perawan Maria pada Julai 17, 524 di rumah Santa Galla. Peristiwa ini disaksikan oleh Sri Paus Santo Yohanes I, yang mengubah Portico menjadi Tempat Suci Maria dan rumah sakit amal.

Penampakan itu berlaku ketika Gereja menghadapi masa sukar. Maria menghulurkan jubahnya kepada Sri Paus Yohanes I, yang akan menderita dan mati demi perdamaian, tanpa meninggalkan imannya, menjadi tahanan konspirasi politik dan perang saudara.

Mengimbas kembali peristiwa itu, Sri Paus bertanya, “bagaimana kita tidak dapat memahami keperluan mendesak untuk mempromosikan keamanan, untuk berdoa untuk keamanan? “Ini adalah undangan bagi kita semua untuk peduli dan mempromosikan praktik menyambut orang miskin dan terabai, menjadi serambi terbuka bagi dunia, menawarkan penghiburan dan bantuan untuk mengatasi pelbagai bentuk kemiskinan,” kata Sri Paus. — *media Vatikan*



Bapa Suci akan temui Gereja kuat dan berbilang budaya di Papua New Guinea

PORT MORESBY, Papua New Guinea: Sri Paus Fransiskus akan menemui sebuah Gereja yang berbudaya iman yang kuat tetapi dalam gaya Papua New Guinea. Masyarakat di sini adalah kaum yang sangat kuno dengan tradisi yang sangat lama. Bagi mereka, kehadiran Sri Paus adalah pengiktirafan perjalanan mereka sebagai sebuah Gereja, sebagai umat Tuhan,” kata Fr Mario Abzalón Alvarado Tovar, *Superior General Missionaries of the Sacred Heart (MSC)*, dalam sebuah wawancara dengan Media Vatikan menjelang Perjalanan Apostolik Sri Paus Fransiskus ke Asia dan Oceania, September ini.

Fr Alvarado berkata bahawa Misionari Hati Kudus telah dihantar ke Papua New Guinea oleh pengasas mereka, Fr Jules Chevalier.

Mereka menerima mandat misionari



Gereja Papua New Guinea yang berbilang bangsa dan budaya.

mereka pada akhir 1870-an.

Selepas percubaan pertama untuk menyebarkan Khabar Gembira di pulau itu pada tahun 1881, para misionari merayakan Misa pertama mereka pada Julai 4, 1885, dan menubuhkan beberapa mision di pantai selatan, di kalangan suku Roro dan Mekeo.

Malah, sejak 1881 MSC berada di Papua New Guinea, menandakan permulaan era moden Gereja di pulau itu. Papua New Guinea adalah sebuah negara dengan tradisi budaya yang sangat kuno tetapi dengan cara hidup yang sangat berbeza daripada dunia Barat.

“Sri Paus Fransiskus akan menemui sebuah Gereja dengan amalan iman yang kuat, tetapi dalam gaya Papua New Guinea.

Namun, negara ini juga menghadapi cabaran seperti yang berlaku di seluruh dunia seperti perubahan iklim, perlombongan tanpa menghormati masyarakat tempatan, dan kemiskinan sistemik.

Papua New Guinea, walaupun merupakan sebuah negara yang mempunyai sumber asli yang sangat besar tetapi dieksploitasi oleh banyak negara besar.

Gereja di sini terus berusaha untuk berdiri bersama golongan yang paling memerlukan, menghormati struktur puak atau klan dan menginjil dari dalam sambil menghormati dan cuba memulihkan anti-nilai yang wujud dalam semua struktur sosial dan gerejawi di Papua New Guinea. — *media Vatikan*

PESAN SRI PAUS FRANSISKUS SEMPENA HARI DATUK, NENEK DAN WARGA TUA 2024



Saudara dan saudari terkasih,

Tuhan tidak pernah meninggalkan anak-anaknya, tidak pernah. Walaupun usia kita meningkat dan tenaga kita merosot, apabila rambut kita menjadi putih dan peranan kita dalam masyarakat berkurangan, apabila kehidupan kita menjadi kurang produktif dan boleh berisiko kelihatan tidak berguna. Tuhan tidak menghiraukan rupa (lih. 1 Sam 16:7); dia tidak menghina untuk memilih mereka yang, bagi kebanyakan orang,

mungkin kelihatan tidak relevan.

Tuhan tidak membuang batu; sesungguhnya, yang “tertua” adalah asas yang kukuh di mana batu-batu “baru” boleh diletakkan, untuk bergabung dalam mendirikan bangunan rohani (rujuk 1 Petrus 2:5).

Kitab Suci secara keseluruhan adalah kisah tentang kasih setia Tuhan. Ia menawarkan kepada kita kepastian yang menghiburkan bahawa Tuhan sentiasa menunjukkan belas kasihannya-Nya kepada kita, sentiasa, pada setiap peringkat kehidupan, dalam

apa jua keadaan yang kita temui, walaupun dalam pengkhianatan kita.

Mazmur dipenuhi dengan keajaiban hati manusia di hadapan Tuhan yang menjaga kita walaupun kita tidak penting (lih. Mzm 144:3-4); Ia meyakinkan kita bahawa Dia tidak akan meninggalkan hidup kita (rujuk Mzm 16:10). Maka, kita boleh yakin bahawa dia akan dekat dengan kita juga pada masa tua, lebih-lebih lagi kerana, dalam Kitab Suci, menjadi tua adalah tanda berkat.

Warga tua bukan beban masyarakat!

Semasa saya menjadi Uskup Buenos Aires, saya sering melawat rumah orang-orang tua dan menyedari betapa jarang mereka menerima kunjungan.

Manakala di kebanyakan tempat lain, terutamanya di negara-negara miskin, orang tua bersendirian kerana anak-anak mereka terpaksa berhijrah.

Saya juga memikirkan banyak situasi konflik yang menyebabkan ramai orang tua bersendirian kerana lelaki – belia dan dewasa – telah dipanggil untuk berperang, dan wanita, terutamanya wanita yang mempunyai anak kecil, telah meninggalkan negara ini untuk mencari rezeki bagi anak-anak mereka.

Mentaliti ini mesti dilawan dan dihapuskan. Ia adalah salah satu prasangka tidak berasas dan berlawanan dengan iman Kristian kita yang tidak mengongkong malah memberi kebebasan.

Namun jika difikirkan semula, tuduhan bahawa orang tua “merompak masa depan anak muda” ada di mana-mana.

Ia muncul di bawah samaran lain dan berlaku meskipun dalam masyarakat yang paling maju dan moden.

Sebagai contoh, ada pandangan meluas yang mengatakan warga tua membebaskan golongan muda dengan kos tinggi perkhidmatan sosial dan ini menyebabkan sumber pembangunan masyarakat terpaksa diberikan kepada warga tua, menyebabkan sumber untuk golongan muda berkurangan.

Ini ialah persepsi yang menyimpang tentang realiti. Ia mengandaikan bahawa kelangsungan hidup orang tua meletakkan orang muda dalam bahaya.

Konflik antara generasi adalah kekeliruan dan satu bentuk manipulasi yang tidak boleh diterima: “Apa yang penting



Setiap tahap kehidupan adalah penting, berharga dan diberkati Tuhan.

ialah perpaduan zaman kehidupan yang berbeza, yang merupakan titik rujukan sebenar untuk memahami dan menghargai kehidupan manusia secara keseluruhannya” (Katekesis, Februari 23, 2022).

bahagia, sebuah keluarga, sebuah rumah baharu.

Dengan kekal dekat dengan orang tua dan mengakui peranan unik mereka dalam keluarga, dalam masyarakat dan dalam Gereja, kita sendiri akan menerima banyak hadiah, banyak rahmat, banyak berkat!

Pada Hari Sedunia Keempat yang ditujukan kepada datuk, nenek dan warga tua, marilah kita menunjukkan kasih sayang kita kepada ahli-ahli keluarga kita yang sudah tua.

Marilah kita meluangkan masa bersama mereka yang berkecil hati dan tidak lagi mengharapakan kemungkinan masa depan yang berbeza.

Mari ganti sikap mementingkan diri sendiri dan menunjukkan hati yang terbuka, wajah gembira lelaki dan wanita yang berani berkata “Saya tidak akan meninggalkan anda” kepada warga tua! — **Sri Paus Fransiskus**

Pesan Sri Paus ini telah diringkaskan. Untuk membaca pesan penuh, sila layari <https://www.vatican.va/content/francesco/en/messages/nonni/documents/20240425-messaggio-nonni-anziani.html>

PENULIS BERKICAU

Mampukah Gereja bantu akhiri pemerdagangan orang?

Menelusuri sebuah bandar di Malaysia Timur, saya terjumpa dengan lukisan dinding yang agak menarik.

Lukisan dinding itu sangat kreatif, menyokong kempen Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Pemerdagangan Migran. Melihat keadaannya yang lusuh, saya berfikir, berapa ramai orang yang melintas untuk berhenti sejenak dan melihat lukisan dinding itu.

Mungkin, ramai yang berfikir, aktiviti pemerdagangan orang bukan jenayah utama di Malaysia. Realitinya, pemerdagangan orang boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dan di mana sahaja.

Tahukah anda, seseorang boleh mengaut berjuta-juta ringgit keuntungan dengan mengorbankan sehingga mencecah berjuta-juta mangsa penyeludupan manusia tanpa mengira usia?

Mungkin kita ada mendengar laporan bahawa remaja lelaki dan perempuan telah dipaksa melakukan kerja keras atau dijual untuk pelbagai tujuan. Malahan, wanita dan gadis juga telah diperdagangkan untuk eksploitasi, dipaksa menjadi dalam pelacuran atau perkahwinan.

Manakala bagi lelaki pula, yang dibelit dengan masalah hutang akan menjadi hamba di lombong, ladang dan sebagainya.

Berbanding dua tahun sebelumnya (2021-2022) Malaysia dilaporkan berada pada tahap tiga (*Tier 3*) dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Orang (*U.S Tip Report*) 2022.

Dalam laporan tersebut, ia mendedahkan kerajaan Malaysia gagal mencapai piawaian minimum terhadap usaha menghapuskan pemerdagangan manusia.

Namun, pada tahun 2023, Malaysia telah dinaik taraf ke Tahap Dua Senarai Pemerhatian, bukan lagi Tahap Tiga.

Pencapaian ini termasuk menjalankan lebih banyak penyiasatan pemerdagangan; mendakwa dan mensabitkan lebih ramai pemerdagangan orang; serta mendakwa pegawai yang bersubahat.

Walaupun Malaysia mempunyai asas baik undang-undang sedia ada (memerangi pemerdagangan manusia), tetapi ia masih memerlukan kerjasama kita semua.

Meskipun kita mempunyai undang-undang dan penguatkuasaan, namun penyeludup akan mencari jalan melepaskan diri daripada usaha kerajaan kerana mereka bermotivasi tinggi dan aktif mencari mangsa.

Saya bersyukur, kerana Gereja tidak “tertidur” dalam hal memerangi pemerdagangan manusia. Banyak seminar, kempen anti-pemerdagangan manusia dan dialog yang dianjurkan oleh pihak Gereja.

Biasanya mereka yang selalu menjadi mangsa pemerdagangan manusia ialah golongan yang mencari pekerjaan, terutama dari kawasan pedalaman.

Oleh sebab itu, saya rasa tidak salah jika saya mengongsikan beberapa panduan ini agar tidak terjebak dalam jerat pemerdagangan orang khususnya bagi mereka yang mahu bekerja di luar negara atau di luar wilayah; fahami kontrak pekerjaan yang ditawarkan kepada anda; pastikan gaji anda adalah munasabah dengan skop kerja yang ditawarkan; pastikan agensi/syarikat yang menawarkan pekerjaan adalah berdaftar dan berhak menawarkan pekerjaan; pastikan anda mengetahui alamat tempat kerja/tempat tinggal, alamat dan nombor telefon kedutaan negara destinasi dan paling penting, kongsi maklumat pekerjaan dan negara destinasi dengan keluarga dan rakan-rakan.

“Pemerdagangan manusia mencemarkan martabat manusia,” kata Sri Paus Fransiskus. Jangan pandang remeh jenayah ini kerana ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dan di mana sahaja.

Meneladani Rut yang tidak takut mengubah tabiat lama

Janganlah membuang aku pada masa tuaku — petikan Mazmur bercakap tentang konspirasi yang mengelilingi kehidupan orang tua.

Ini mungkin kelihatan keterlaluan, tetapi kesunyian dan pengabaian warga tua bukan secara kebetulan atau tidak dapat dielakkan, melainkan ia adalah hasil keputusan – politik, ekonomi, sosial dan peribadi – yang gagal untuk mengakui maruah tidak terhingga setiap orang.

Ini berlaku apabila kita tidak melihat nilai setiap individu dan orang kemudian dinilai daripada segi kos mereka, yang dalam be-



Rut tidak takut mengambil jalan baharu iaitu terus kekal bersama Naomi dan akhirnya mendapat ganjaran besar daripada Tuhan!

berapa kes dianggap terlalu tinggi untuk dibayar. Lebih teruk lagi, orang tua dianggap beban dan mereka harus menjadi orang pertama yang diketepikan.

Dalam Kitab Rut, Naomi, seorang ibu tua yang, setelah kematian suami dan anak-anaknya, menggalakkan dua orang menantunya, Orpa dan Rut, untuk kembali ke rumah dan kota asal mereka (Rut 1:8). Naomi – seperti kebanyakan orang tua hari ini – takut untuk bersendirian tetapi dia melihat dirinya sebagai beban (Rut 1:11-13).

Namun keberanian Rut mengundang kita untuk mengambil jalan baharu. Marilah kita mengikuti jejak Rut. Marilah kita meneladani Rut, seorang wanita asing dan muda serta Naomi yang sudah tua.

Jangan takut untuk mengubah tabiat kita dan membayangkan masa depan yang berbeza serta lebih baik untuk orang tua kita.

Semoga kita mengucapkan terima kasih kepada semua orang, mengikuti teladan Rut, dengan menjaga orang yang lebih tua atau sekadar menunjukkan keakraban harian dengan saudara-mara atau kenalan yang tidak lagi mempunyai orang lain. Rut, yang memilih untuk kekal rapat dengan Naomi, kemudian dikurniakan perkahwinan yang

ABMA anjur program kerohanian komuniti di Port Dickson



PORT DICKSON, Negeri Sembilan: *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate* (ABMA) sekali lagi melanjutkan program jangkauannya kepada umat Komuniti Umat Berbahasa Malaysia (KUBM) di Gereja *Immaculate Conception* (CIC) di Port Dickson pada Julai 7 dan 8 lalu.

Seramai 30 peserta dari KUBM CIC telah menyertai Program Pengalaman Kerohanian Komuniti, yang bertujuan memberi pendedahan bagaimana ahli

dalam sesebuah komuniti, dapat saling bekerjasama dan saling menyokong antara satu sama lain. Program ini diketuai oleh Sr Stella Gilbert, FSIC.

Sebelum itu, Sdra Egbert Adolf memberi serba-sedikit penerangan tentang visi dan misi serta peranan ABMA dalam pembangunan komuniti KUBM di Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Dalam sesi kedua dan ketiga, para penceramah memberi perkongsian bagaimana setelah mengenal dan menerima Yesus

dalam kehidupan mereka, hidup mereka telah ditransformasi. Perbincangan dalam kumpulan diadakan pada akhir setiap sesi.

Sebelum sesi terakhir, Sdra Elena Woo mengajak para peserta melihat kepada cabaran-cabaran yang hadir dalam kehidupan kita dan bagaimana mengatasinya.

Sdra Walter Victor Dumbong dan Egbert pada sesi akhir, membantu setiap umat KUBM CIC demi kelancaran dan pelayanannya yang lebih efektif.

Para peserta juga dibekalkan dengan kit program bagi membantu mereka mengikuti program ini dengan lebih efektif.

Kehadiran paderi paroki, Fr Edwin Peter, di sepanjang sesi program turut memberi motivasi kepada setiap ahli yang hadir.

Fr Edwin juga menyatakan harapan beliau agar para beliau akan menjadi lebih aktif dalam pelayanannya di Gereja. — **Elena Woo**



Retret PASUTRI bantu temui kembali cinta keluarga

KENINGAU: Lapan orang penceramah dari Komuniti Gratia, Keuskupan Agung Jakarta Indonesia telah dijemput ke Keuskupan Keningau bagi mengendalikan retret PASUTRI (Pasangan Suami Isteri Diberkati) baru-baru ini di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal.

Ini merupakan kali kedua retret PASUTRI ini dianjurkan oleh Majlis Pastoral Paroki Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Retret kali pertama telah diadakan pada Ogos 23 dengan tema, 'Berdua Satu Tujuan'.

Pengisian ceramah retret ini membawakan banyak pemahaman dan pandangan rohani dalam pelbagai aspek hidup berumah tangga yang berpusatkan dalam Kristus kepada peserta.

Setiap sesi juga direka sesuai dengan keperluan bimbingan praktikal dan rohani dalam menggalak-

kan pasangan untuk meningkatkan hubungan sesama dan dengan Tuhan.

Fr Appolonius Yakis dalam homilinya semasa Misa Kudus pembukaan retret mengatakan retret ini bukan hanya merupakan masa suci kepada pasangan untuk mengeratkan hubungan suami isteri tetapi juga mendekatkan relasi mereka dengan Tuhan dalam hidup berkahwin.

Semasa Misa Kudus penutup, Msgr Gilbert Lasius yang juga merupakan pembimbing rohani Komisi Hidup Keluarga Kristian, Keuskupan Keningau mengetuai upacara pelafazan pembaharuan janji ikrar perkahwinan para peserta PASUTRI.

Ini mengingatkan mereka bahawa perkahwinan mereka bukan sahaja komitmen peribadi tetapi adalah sebuah perjanjian suci kepada Tuhan. — **Melty Paulus**



Pasangan suami isteri saling memaafkan semasa retret PASUTRI anjuran MPP KSFX, baru-baru ini di Keningau.



550 peserta dijangka hadir Perhimpunan Pastoral Semenanjung Malaysia Ogos ini

KUALA LUMPUR: Kira-kira 550 peserta dari keuskupan Pulau Pinang dan Melaka Johor, serta Keuskupan Agung Kuala Lumpur, akan menghadiri Perhimpunan Pastoral bagi Wilayah Semenanjung Malaysia 2024 (RPA2024), yang bakal diadakan di Pusat MAJODI di Plentong, Johor, pada Ogos 25 hingga 27.

RPA2024 merupakan persiapan perjalanan menuju Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026). MPC2026 mewakili visi para Uskup Malaysia yang mahu semua keuskupan Katolik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak berhimpun sebagai paderi, agamawan dan awam untuk merayakan, mendengar dan berjalan masuk di dalam terang Tuhan (rujuk Yesaya 2:2-5).

Perjalanan MPC2026 ini dimulakan dengan Proses Sinodal bermula tahun 2020.

Pertama, Sri Paus Fransiskus menyeru Gereja Katolik menuju jalan sinodaliti

pada tahun 2022. Seruan sinodaliti adalah seruan bagi Gereja Katolik untuk "berjalan bersama," menegaskan semula perjalanan Gereja Semenanjung yang bermula dengan *Aggiornamento* 1976.

Proses 1976 menggambarkan secara tepat Gereja Katolik Malaysia yang berusaha mencari cara untuk "perjalanan yang lebih baik" secara bersama, melalui lima perhimpunan keuskupan dan kemudiannya di peringkat serantau, yang diadakan setiap dekad untuk mengkaji semula proses 1976.

Sehubungan dengan ini, RPA2024 merupakan bahagian penting dalam perjalanan ke arah MPC2026. MPC2026 bukanlah destinasi terakhir tetapi platform bagi Gereja Semenanjung Malaysia (PMC) untuk mula beralih ke arah menjadi satu Gereja yang tidak terpisah dengan Sabah dan Sarawak.

Empat bidang menjadi fokus utama setiap keuskupan menjelang 2026: Gereja, Keluarga,

Komuniti dan Ekologi.

Sejak 2022, semua keuskupan telah menerima pakai proses sinodal. Kaedah "Perbualan dalam Roh" akan digunakan, memastikan semua peserta melibatkan diri dalam doa untuk memahami idea atau soalan yang dikemukakan melalui buku kecil atau e-buku kecil yang disediakan beberapa minggu sebelum RPA.

Buah-buah RPA2024

Diharapkan bahawa proses kebijaksanaan akan mencapai tiga perkara: Pertama, menawarkan panduan untuk hala tuju pastoral dalam membina Gereja tempatan kita dalam empat bidang yang menjadi fokus utama.

Kedua, menangani isu-isu di Sabah dan Sarawak, yang akan dibawa ke MPC2026. Akhir sekali, memulakan perjalanan dan perbualan dalam semangat menghargai dan kasih sayang untuk apa yang dimaksudkan

sebagai Gereja tempatan atau Malaysia.

Merayakan, Mendengar dan Berjalan Bersama

Tema RPA, "Meraikan, Mendengar, dan Berjalan Bersama dalam Semangat Perpaduan, Penyertaan dan Misi mengungkapkan elemen utama yang dicetuskan pada tahun 1976 dan semangat sinodaliti".

RPA akan menekankan kepentingan untuk merayakan iman bersama, mendengar pelbagai suara dalam Gereja dan masyarakat, dan berjalan bersama sebagai penziarah dalam perjalanan iman sambil mendengar Roh Kudus.

Semua keuskupan di Malaysia mendoakan perjalanan kita ke arah MPC2026 dan semua buah-buah yang akan terhasil daripadanya. Para peserta RPA dijangka akan menyumbang idea-idea bijaksana dalam sejarah Gereja Katolik Malaysia.